

## **YAB MB PAHANG UCAP TAHNIAH KEPADA DATO' SRI ISMAIL SABRI**

**KUANTAN, 20 OGOS 2021:** YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail mengucapkan tahniah kepada YAB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob atas perkenaan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah melantik beliau sebagai YAB Perdana Menteri Malaysia Kesembilan.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang berkata, pelantikan itu merupakan satu kebanggaan kepada rakyat terutamanya di Pahang yang mana beliau ialah anak jati negeri ini dan Ahli Parlimen Bera.

"Dengan pelantikan ini diharapkan, semua pihak memberi kerjasama agar beliau dapat menjalankan tugas dan peranannya dengan berkesan.

"Lebih-lebih lagi sekarang dalam usaha menangani penularan wabak pandemik COVID-19 yang pada hari ini menempuh rekod baharu dengan lebih 23,000 kes positif," katanya menerusi kenyataan media hari ini.-PAHANGMEDIA

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#PahangGo**

Bersama  
Hentikan  
Wabak  
Covid-19



# TAHNIAH

YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

ATAS PELANTIKAN SEBAGAI

## PERDANA MENTERI MALAYSIA KE 9

ikhlas daripada

YAB Dato' Sri Hj Wan Rosdy Bin Wan Ismail

Menteri Besar Pahang

Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang



wanrosdy.com



Wan Rosdy Bin Wan Ismail



wanrosdyofficial

